



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA**

**PERANGKAAN GETAH BULANAN, MALAYSIA, DISEMBER 2025**

**Pengeluaran getah asli Malaysia meningkat 37.3 peratus pada  
Disember 2025**

**PUTRAJAYA, 12 FEBRUARI 2026** – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menerbitkan **Perangkaan Getah Bulanan, Malaysia, Disember 2025**. Penerbitan ini memaparkan statistik pengeluaran, import, eksport, penggunaan domestik, stok, harga, bilangan pekerja, gaji & upah dan produktiviti bagi estet getah.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, pengeluaran getah asli meningkat 37.3 peratus pada Disember 2025 (28,684 tan metrik) berbanding pada November 2025 (20,891 tan metrik). Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan pengeluaran getah asli menurun 25.1 peratus (Disember 2024: 38,299 tan metrik). Pengeluaran getah asli Malaysia pada Disember 2025 disumbangkan terutamanya oleh pekebun kecil (87.2%) berbanding estet (12.8%).

Jumlah stok getah asli pada Disember 2025 meningkat 1.4 peratus kepada 121,686 tan metrik berbanding 120,030 tan metrik pada November 2025. Kilang pemproses getah menyumbang stok akhir sebanyak 76.2 peratus diikuti kilang pengguna getah (23.6%) dan estet getah (0.2%).

Eksport getah asli Malaysia berjumlah 32,139 tan metrik pada Disember 2025, menurun 12.7 peratus berbanding November 2025 (36,820 tan metrik). China terus kekal sebagai destinasi utama untuk eksport getah asli iaitu menyumbang 49.9 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada Disember 2025 diikuti Jerman (16.4%), Emiriah Arab Bersatu (4.8%), Portugal (3.9%) dan Mesir (3.7%). Prestasi eksport disumbangkan oleh produk berasaskan getah asli seperti sarung tangan getah, tayar, tiub dan benang getah. Produk sarung tangan getah merupakan eksport utama dengan nilai RM1.3 billion pada Disember 2025, meningkat 37.3 peratus berbanding November 2025 (RM0.9 billion).

Analisis perbandingan harga purata bulanan menunjukkan Lateks Pekat merekodkan peningkatan iaitu 0.7 peratus (Disember 2025: 576.20 sen sekilogram; November 2025: 571.93 sen sekilogram) manakala Sekerap meningkat 0.4 peratus (Disember 2025: 592.08 sen sekilogram; November 2025: 589.83 sen sekilogram). Sementara itu, harga bagi pelbagai jenis Getah Mutu Malaysia (G.M.M) menunjukkan peningkatan antara 0.3 peratus hingga 0.7 peratus. *The World Bank Commodity Price*

Data melaporkan harga Disember bagi getah jenis TSR 20 (Technically Specified Rubber) meningkat 1.9 peratus (daripada USD1.71/kg kepada USD1.74/kg) dan SGP/MYS (Singapura/Malaysia) meningkat 1.5 peratus (daripada USD2.03/kg kepada USD2.06/kg).

Prestasi suku keempat 2025 menunjukkan pengeluaran getah asli menurun 15.5 peratus kepada 79,247 tan metrik berbanding 93,815 tan metrik pada suku ketiga 2025. Prestasi pertumbuhan tahunan pengeluaran getah asli Malaysia pada suku keempat 2025 turut mencatatkan penurunan 32.3 peratus berbanding suku keempat 2024 (117,040 tan metrik).

Menurut *Malaysia Rubber Board Digest* keluaran Disember 2025, pasaran getah Kuala Lumpur dibuka bercampur-campur pada Disember, disokong oleh kebimbangan mengenai gangguan bekalan yang disebabkan oleh hujan lebat di negara pengeluar utama, perkembangan positif dalam industri automotif global, dan keyakinan yang diperbaharui berikutan rancangan kerajaan China mengulangi untuk memulihkan ekonominya. Sentimen pasaran disokong lagi oleh pemotongan kadar faedah Rizab Persekutuan Amerika Syarikat baru-baru ini dan prospek perdagangan global bertambah baik. Tambahan pula, ringgit yang lebih kukuh berbanding dolar Amerika Syarikat, harga minyak mentah yang lebih rendah dan kelewatan satu tahun dalam pelaksanaan EUDR.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Disember hingga 31 November 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

**Malaysia** buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.


**OpenDOSM NextGen** adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

**TaniStats 2.0** merupakan hab utama maklumat pertanian bersepadu yang menyediakan paparan statistik berinformatif, berstruktur dan mesra pengguna bagi memperkukuh pemahaman awam terhadap corak dan perubahan sektor pertanian, sekaligus menyokong inisiatif transformasi digital ke arah dasar yang lebih inklusif dan berasaskan bukti. Akses TaniStats di <https://tanistats.dosm.gov.my>


**Carta 1: Pengeluaran dan penggunaan domestik bagi getah asli Disember 2024, November - Disember 2025 ('000 tan metrik)**



**Carta 2: Import dan eksport bagi getah asli Disember 2024, November - Disember 2025 ('000 tan metrik)**



**Carta 3: Pengeluaran getah asli Suku Tahunan 2024/2025**  
(‘000 tan metrik)



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA**  
**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**  
**12 FEBRUARI 2026**



MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT**

**MONTHLY RUBBER STATISTICS, MALAYSIA**

**Malaysia natural rubber production increased by 37.3 per cent in December 2025**

**PUTRAJAYA, 12<sup>TH</sup> FEBRUARY 2026** – The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) released the Monthly Rubber Statistics, Malaysia, December 2025. This publication consists of statistics on production, imports, exports, domestic consumption, stocks, prices, number of employees, salaries & wages and productivity of rubber estates.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, Natural Rubber (NR) production increased by 37.3 per cent in December 2025 (28,684 tonnes) as compared to November 2025 (20,891 tonnes). Year-on-year comparison showed that the production of NR decreased by 25.1 per cent (December 2024: 38,299 tonnes). Production of NR in December 2025 for Malaysia was mainly contributed by smallholders (87.2%) as compared to estates (12.8%).

Total stocks of NR in December 2025 increased by 1.4 per cent to 121,686 tonnes as compared to 120,030 tonnes in November 2025. Rubber processors factory contributed 76.2 per cent of the stocks followed by rubber consumers factory (23.6%) and rubber estates (0.2%).

Exports of Malaysia's NR amounted to 32,139 tonnes in December 2025, decreased 12.7 per cent as against November 2025 (36,820 tonnes). P.R. China remained as the main destination for NR exports which accounted 49.9 per cent of total exports in December 2025 followed by Germany (16.4%), the United Arab Emirates (4.8%), Portugal (3.9%) and Egypt (3.7%). The exports performance was contributed by NR-based product such as rubber gloves, tyre, tube and rubber thread. Gloves were the main exports of rubber-based products with a value of RM1.3 billion in December 2025, an increase of 37.3 per cent as compared to November 2025 (RM0.9 billion).

The analysis of the average monthly price showed that Concentrated Latex recorded an increase of 0.7 per cent (December 2025: 576.20 sen per kg; November 2025: 571.93 sen per kg) while Scrap increased by 0.4 per cent (December 2025: 592.08 sen per kg; November 2025: 589.83 sen per kg). Meanwhile, prices of various grades of Standard Malaysian Rubber (S.M.R) showed an increase between

0.3 per cent to 0.7 per cent. The World Bank Commodity Price Data reported the prices December for TSR 20 (Technically Specified Rubber) has increased 1.9 per cent (from USD1.71/kg to USD1.74/kg) and SGP/MYS (Singapore/Malaysia) increased 1.5 per cent (from USD2.03/kg to USD2.06/kg).

The performance of the fourth quarter of 2025 showed natural rubber production decreased by 15.5 per cent to 79,247 tonnes as compared to 93,815 tonnes in the third quarter of 2025. The annual performance of Malaysia's natural rubber production in the fourth quarter of 2025 recorded a decrease of 32.3 per cent as compared to the fourth quarter 2024 (117,040 tonnes).

According to the Malaysia Rubber Board Digest published in December 2025, the Kuala Lumpur rubber market opened on a mixed note in December, supported by concerns over natural rubber (NR) supply disruptions due to heavy rains in major producing countries, positive developments in the global automotive industry, and renewed optimism following the Chinese government's reiterated plans to revitalise its economy. Market sentiment was further underpinned by the recent U.S. Federal Reserve interest rate cut and an improving global trade outlook. In addition, a stronger ringgit against the U.S. dollar, lower crude oil prices and the one-year postponement of the EUDR.


The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed "**Data Nadi Ekonomi Rakyat**". The sixth Economic Census, will be carried out from **5<sup>th</sup> January to 31<sup>st</sup> November 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation's economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

**Malaysia** has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67<sup>th</sup> position in the ODIN 2022/23 assessment.


**OpenDOSM NextGen** is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

**TaniStats 2.0** is a centralised agricultural information hub that provides informative, structured and user-friendly statistical dashboards to strengthen public understanding of patterns and changes in the agricultural sector, thus supporting digital transformation initiatives towards more inclusive and evidence-based policies. Access TaniStats at <https://tanistats.dosm.gov.my>.


**Chart 1: Production and domestic consumption of natural rubber December 2024, November - December 2025 ('000 tonnes)**



**Chart 2: Imports and exports of natural rubber December 2024, November - December 2025 ('000 tonnes)**



**Chart 3: Natural rubber production Quarterly 2024/2025**  
(‘000 tonnes)



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA**  
**DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**  
**12 FEBRUARY 2026**